

# **Pelajar luar dipelawa lawat kampus induk KUTKM**

**Archival News | Utusan Malaysia | 27/02/2006**

MELAKA 26 Feb. - Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) mempelawa pelajar-pelajar dari luar Melaka untuk melawat kampus induknya di Durian Tunggal dan kampus industri di Ayer Keroh, dekat sini.

Pegawai Perhubungan Korporat dan Antarabangsa KUTKM, Ruzaiman Abd. Rahman berkata, lawatan itu bertujuan memberi peluang kepada pelajar sekolah, terutama yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading, melihat sendiri kemudahan yang terdapat di situ.

"Sempena lawatan itu, kami adakan ceramah kerjaya kepada mereka selain khidmat kaunseling dan tunjuk ajar mengenai cara memilih kursus yang sesuai mengikut kelayakan masing-masing," katanya ketika ditemui di Karnival Pendidikan Kolej Universiti berkenaan di Melaka Sentral di sini hari ini.

Karnival selama dua hari itu berjaya menarik hampir 3,000 pengunjung yang hadir untuk melihat kursus-kursus serta kemudahan pembelajaran di KUTKM.

Menurut Ruzaiman, meskipun lawatan tersebut disasarkan untuk pelajar tingkatan 5 dan 6, namun pelajar dari tingkatan lain yang berminat juga digalakkan turut serta.

Tambah beliau, pihaknya bersungguh-sungguh untuk mendekati golongan tersebut dan bersedia membantu mereka melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

"Pihak sekolah yang berminat, boleh menghubungi KUTKM untuk menetapkan tarikh yang sesuai untuk berkunjung ke KUTKM," kata beliau.

Ruzaiman memberitahu, pihaknya sebelum ini telah menjemput pelajar dari sekolah-sekolah di Melaka untuk melawat kampus baru itu.

"Program ini dimulakan sejak pertengahan bulan lepas dan kami telah menerima kira-kira 500 pelajar dari hampir 10 buah sekolah," katanya.

Pihaknya juga menyediakan bas untuk menjemput pelajar yang ingin melawat kampus KUTKM.

Buat masa ini perkhidmatan bas hanya disediakan untuk sekolah-sekolah dalam negeri ini sahaja, tetapi kami KUTKM sedang menimbang untuk menyediakan kemudahan itu kepada sekolah di luar Melaka.

(Source : Utusan Malaysia)